



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 65
No. 14

9hb Julai 2012

TAMBAHAN No. 18
PERUNDANGAN

Sel. P.U. 72.

ENAKMEN LEMBAGA URUS AIR SELANGOR 1999

**PERATURAN-PERATURAN ABSTRAKSI SUMBER AIR
(NEGERI SELANGOR) 2012**

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

KUASA LEMBAGA

3. Kuasa Lembaga terhadap aktiviti abstraksi air

BAHAGIAN III

PELESENAN ABSTRAKSI AIR

Peraturan

4. Lesen untuk abstraksi air
5. Syarat-syarat kelulusan
6. Kuasa untuk menganggarkan amaun air yang digunakan
7. Mendapatkan semula caj

BAHAGIAN IV

KAWALAN ABSTRAKSI AIR

8. Kawalan am
9. Kawalan abstraksi air bumi
10. Kawalan abstraksi air permukaan

BAHAGIAN V

PENGUATKUASAAN

11. Penggeledahan
12. Penyitaan
13. Pelucuthakkan
14. Pelucuthakkan jika ada pendakwaan
15. Pelucuthakkan jika tiada pendakwaan
16. Tiada kos atau ganti rugi berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan
17. Kuasa mengalih dan melupus

BAHAGIAN VI

PENDAKWAAN

18. Pendakwaan
19. Penalti am
20. Pengkompaunan kesalahan

BAHAGIAN VII

AM

Peraturan

21. Pematuhan kepada undang-undang bertulis lain
22. Peruntukan peralihan

ENAKMEN LEMBAGA URUS AIR SELANGOR 1999

PERATURAN-PERATURAN ABSTRAKSI SUMBER AIR (NEGERI SELANGOR) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 127, 41 dan 44 Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999 [*En. No. 2/1999*], Lembaga dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama

1. Peraturan-peraturan ini boleh dinamakan **Peraturan-Peraturan Abstraksi Sumber Air (Negeri Selangor) 2012**.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan, ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“abstraksi air” ertinya perbuatan mengambil, mengalihkan, melencongkan atau memisahkan air daripada mana-mana sumber air dengan apa-apa cara, struktur atau langkah-langkah bagi menahan atau menyimpan air atau apa-apa pam, terusan, tali air, penstok, saluran, paip, pembentung, lubang gerak, telaga atau struktur yang lain, dan “mengabstrak” hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya;

“ahli kajibumi” ertinya ahli kajibumi yang berdaftar di bawah Akta Ahli Geologi 2008 [*Akta 689*];

“air permukaan” merujuk kepada sungai atau badan air;

“Enakmen” ertinya Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999 [*En. No. 2/1999*];

“kawasan abstraksi sumber air” ertinya sesuatu kawasan di mana letaknya telaga atau mukasauk dan peralatan pengepaman termasuk kawasan sekeliling yang boleh menerima kesan daripada aktiviti abstraksi air;

“komersial” ertinya abstraksi air selain daripada untuk tujuan utiliti awam termasuklah tetapi tidak terhad kepada kegunaan kilang, hotel, air mineral, resort, padang golf, pusat cuci kereta, tapak semaian, akuakultur, pertanian, penternakan dan sebarang aktiviti lain;

“mukasauk” ertinya suatu tempat di mana air diambil daripada sumber air sama ada ianya wujud secara semula jadi atau sebaliknya;

“pemegang lesen” ertinya seseorang yang kepadanya lesen telah dikeluarkan di bawah peraturan 4;

“telaga pemantauan” ertinya telaga yang dibina dan digunakan untuk memantau paras dan kualiti air bumi;

“telaga pengeluaran” ertinya telaga yang direka bentuk, dibina dan dilengkapi dengan peralatan pengepaman untuk tujuan mengabstrak air bumi;

“tempoh ujian pengepaman air bumi” ertinya tempoh minima bagi ujian pengepaman yang dilakukan terhadap sesuatu telaga pengeluaran sama ada selama 24 jam, 36 jam, 72 jam atau tempoh lain mengikut keupayaan telaga itu;

“utiliti awam” ertinya sebarang perkara yang dilakukan oleh seseorang atau pihak berkuasa awam untuk atau yang berhubungan dengan perkhidmatan atau kesejahteraan kepada orang awam.

BAHAGIAN II

KUASA LEMBAGA

Kuasa Lembaga terhadap aktiviti abstraksi air

3. Lembaga boleh, dengan kelulusan pihak berkuasa negeri melalui Pemberitahuan dalam *Warta*, mengenakan caj abstraksi air kepada seseorang yang mengabstrak sumber air berdasarkan kepada kuantiti air yang diluluskan untuk diabstrak.

BAHAGIAN III

PELESENAN ABSTRAKSI AIR

Lesen untuk abstraksi air

4. Sesuatu permohonan bagi lesen di bawah seksyen 59 Enakmen hendaklah dibuat kepada Pengarah dalam borang permohonan yang ditentukan oleh Pengarah.

Syarat-syarat kelulusan

5. (1) Pemegang lesen hendaklah mematuhi semua terma dan syarat-syarat lesen.

(2) Tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis lain, lesen hanya akan dikeluarkan setelah Pengarah berpuas hati bahawa:

- (a) borang permohonan yang dikemukakan adalah lengkap; dan
- (b) fi bagi permohonan dan lesen abstraksi air telah dijelaskan.

(3) Pengarah boleh menentukan terma dan syarat-syarat lesen untuk dipatuhi oleh pemegang lesen sebagai tambahan kepada terma dan syarat-syarat seperti dirujuk di dalam subperaturan (2).

(4) Pengarah boleh dari semasa ke semasa membatalkan, meminda atau menambah mana-mana terma dan syarat-syarat lesen yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

Kuasa untuk mengangalkan amaun air yang digunakan

6. Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa oleh Pengarah boleh membuat suatu anggaran amaun air yang digunakan oleh seseorang dalam tahun yang berkaitan jika—

- (a) amaun yang digunakan oleh orang itu belum lagi disukat; atau
- (b) apa-apa peranti yang digunakan untuk menyukat amaun air yang digunakan oleh orang itu telah gagal untuk menyukat amaun dengan tepat bagi semua atau mana-mana bahagian tahun yang berkaitan,

dan orang itu hendaklah membayar caj yang terpakai yang ditetapkan untuk amaun yang dianggarkan.

Mendapatkan semula caj

7. Caj yang dikenakan di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh didapatkan semula sebagai suatu hutang yang terhutang kepada Lembaga oleh orang yang ke atasnya caj dikenakan.

BAHAGIAN IV

KAWALAN ABSTRAKSI AIR

Kawalan am

8. (1) Tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis lain, bagi maksud mana-mana abstraksi air yang berlesen, tiada seseorang pun dibenarkan untuk menyebabkan atau membenarkan sebarang gangguan atau pelencongan terhadap aliran air dalam sumber air kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Pengarah.

(2) Tiada seseorang boleh menyebabkan—

- (a) kemasukan atau pelepasan bahan pencemar ke dalam mana-mana sumber air; atau

-
- (b) pemendapan tanah, penerobosan air masin, kemusnahan tanah perairan, mempercepat pengaliran bahan pencemar atau sebarang kesan lain yang dianggap sebagai memudaratkan oleh Pengarah,

yang timbul berikutan dari atau berkaitan dengan sebarang aktiviti abstraksi air.

(3) Melainkan dibenarkan sebaliknya, setiap abstraksi air yang dilesenkan hendaklah dilengkapi dengan alat sukatan yang berfungsi sepenuhnya dan disahkan sewajarnya oleh suatu badan yang diiktiraf oleh Lembaga.

(4) Pemegang lesen hendaklah mengemukakan kepada Pengarah bacaan terkini yang diambil daripada alat sukatan di bawah subperaturan (3) mengikut tempoh yang ditentukan oleh Pengarah.

(5) Pemegang lesen hendaklah, atas kosnya sendiri, menyediakan dan memastikan semua alat sukatan sentiasa berfungsi dalam keadaan baik.

(6) Tiada alat sukatan boleh diubah, diusik atau dialihkan kecuali dengan kebenaran Pengarah.

(7) Tindakan untuk meninggalkan, membiarkan, menutup atau memberhentikan operasi telaga atau mukasauk atau apa-apa langkah lain yang difikirkan seumpamanya oleh Pengarah hendaklah dimaklumkan secara bertulis kepada Pengarah dalam tempoh empat belas hari sebelum langkah tersebut diambil.

(8) Apa-apa kos yang timbul daripada atau berkaitan dengan tindakan yang diambil di bawah subperaturan (7) hendaklah ditanggung oleh pemegang lesen.

Kawalan abstraksi air bumi

9. (1) Tiada seseorang pun dibenarkan untuk menebuk, menggali, menggerudi atau membina sebarang telaga termasuklah untuk mendalam, membesar atau mengubah telaga sedia ada bagi abstraksi air tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah.

(2) Kerja atau aktiviti di bawah subperaturan (1) hendaklah dijalankan di bawah seliaan oleh seorang ahli kaji bumi.

(3) Seseorang yang berniat hendak menjalankan sebarang ujian pengepaman hendaklah memaklumkan Pengarah akan niat tersebut secara bertulis dalam tempoh empat belas hari sebelum sesuatu ujian itu dijalankan.

(4) Seseorang yang mengabstrak air bumi hendaklah menjalankan ujian pengepaman mengikut tempoh ujian pengepaman air bumi sekali pada setiap lima tahun atau tempoh lain yang ditetapkan serta kemudiannya mengemukakan kepada Pengarah laporan daripada setiap ujian pengepaman tersebut.

(5) Permohonan untuk mengabstrak air bumi hendaklah dibuat melalui borang yang ditetapkan oleh Pengarah.

(6) Pengarah boleh jika difikirkan perlu, mengarahkan pemegang lesen untuk membina dan menyelenggara telaga pemantauan atas perbelanjaan sendiri bagi setiap telaga pengeluaran.

(7) Pemegang lesen hendaklah, atas kosnya sendiri, menjalankan pemantauan kualiti dan paras air bumi pada setiap tahun atau pada tempoh masa lain yang ditetapkan dan laporan dari pemantauan tersebut dikemukakan di dalam borang yang ditetapkan oleh Pengarah.

Kawalan abstraksi air permukaan

10. (1) Permohonan untuk mengabstrak air permukaan hendaklah dibuat di dalam borang yang ditetapkan oleh Pengarah.

(2) Pengarah bolehlah pada bila-bila masa mengarahkan pemegang lesen, seseorang atau pihak berkuasa awam, atas perbelanjaan mereka sendiri, untuk mengeluarkan sebarang peralatan dari kawasan abstraksi air atau untuk melakukan apa-apa kerja yang difikirkan perlu oleh Pengarah.

BAHAGIAN V

PENGUATKUASAAN

Pengeledahan

11. Jika Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa berpuas hati atas maklumat yang diterima bahawa dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa seseorang telah melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan, ini beliau boleh, sekiranya beliau berpendapat bahawa ianya perlu untuk tujuan penyiasatan kesalahan itu, tanpa waran, memberhenti dan memeriksa mana-mana orang atau memasuki dan menggeledah mana-mana premis menurut kuasa yang diberi di bawah seksyen 99 Enakmen.

Penyitaan

12. (1) Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa boleh, tanpa waran, menyita apa-apa benda yang semunasabahnya dipercayai olehnya sebagai mempunyai kaitan dengan, atau dapat memberikan keterangan tentang, pelakuan sesuatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(2) Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa yang menyita apa-apa benda di mana-mana premis di bawah subperaturan (1) hendaklah menyediakan suatu senarai benda yang disita dan dengan segera menyerahkan suatu salinan yang ditandatangani olehnya kepada pemegang lesen, penghuni atau tuan punya premis itu, atau pengkhidmat atau ejennya, yang berada di premis itu.

(3) Jika premis itu tidak berpenghuni, Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberikuasa menyita itu hendaklah bila mana mungkin menampalkan senarai benda yang disita itu di tempat yang mudah dilihat di premis itu.

(4) Apa-apa benda yang disita di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(5) Jika, oleh sebab jenis, saiz atau amaunnya, tidaklah praktik untuk memindahkan apa-apa benda yang disita di bawah Peraturan-Peraturan ini, Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberikuasa atau yang menyita itu hendaklah dengan apa-apa cara menyelak benda itu dalam premis yang di dalamnya ia dijumpai.

(6) Mana-mana orang yang tanpa kuasa yang sah memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam subperaturan (5) atau memindahkan apa-apa benda yang dilak atau cuba berbuat demikian adalah melakukan satu kesalahan.

Pelucuthakkan

13. Semua benda yang disita di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh dilucuthakkan.

Pelucuthakkan jika ada pendakwaan

14. (1) Jika ada pendakwaan yang melibatkan apa-apa benda yang disita di bawah Peraturan-Peraturan ini, maka pelucuthakkan atau pelepasan mana-mana benda sedemikian hanya boleh dibuat mengikut perintah mahkamah yang dihadapannya pendakwaan itu telah diadakan.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), jika dibuktikan sehingga mahkamah berpuas hati bahawa—

- (a) suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini telah dilakukan; dan
- (b) apa-apa benda yang menjadi perkara subjek bagi atau telah digunakan dalam perlakuan kesalahan itu,

mahkamah hendaklah melucuthakkan benda itu walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Semua benda yang dilucuthakkan di bawah peraturan ini hendaklah diserahkan kepada Pengarah dan hendaklah dilupuskan mengikut arahan Pengarah.

Pelucuthakkan jika tiada pendakwaan

15. (1) Jika tiada pendakwaan yang melibatkan apa-apa benda yang telah disita di bawah Peraturan-Peraturan ini, maka benda itu hendaklah diambil dan disifatkan telah terlucuthak apabila tamat tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyitaannya melainkan jika suatu tuntutan telah dibuat baginya sebelum tamat tempoh itu mengikut cara yang dinyatakan dalam subperaturan (2).

(2) Mana-mana orang atau pemegang lesen yang mengatakan bahawa dia adalah pemilik apa-apa benda yang disita di bawah Peraturan-Peraturan ini dan bahawa benda itu tidak boleh dilucuthakkan boleh, sama ada sendiri atau melalui ejennya yang diberikuasa secara bertulis, memberikan notis bertulis kepada Pengarah bahawa dia menuntut benda yang disita itu.

(3) Apabila Pengarah menerima notis di bawah subperaturan (2), dia boleh mengarahkan supaya benda itu dilepaskan atau supaya perkara itu dirujukkan kepada seorang Majistret.

(4) Majistret yang kepadanya rujukan dibuat di bawah subperaturan (3) hendaklah mengeluarkan saman mengkehendaki—

(a) orang yang menuntut bahawa dia adalah pemunya benda yang disita; dan

(b) orang yang daripadanya benda itu disita,

hadir di hadapannya pada hari yang ditetapkan dalam saman itu.

(5) Pada hari yang ditetapkan di bawah subperaturan (4), dan setelah dibuktikan bahawa saman telah disampaikan dengan sewajarnya kepada setiap orang yang dinyatakan di bawah perenggan (4)(a) dan (4)(b), Majistret hendaklah terus memeriksa perkara itu walaupun mana-mana orang itu tidak hadir.

(6) Jika, setelah selesai pemeriksaan yang dibuat di bawah subperaturan (5) berkenaan dengan sesuatu benda yang disita itu, Majistret berpuas hati bahawa—

(a) suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini telah dilakukan; dan

(b) benda itu ialah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu,

Majistret itu hendaklah memerintahkan pelucuthakkan benda itu, tetapi jika Majistret tidak berpuas hati sedemikian, dia hendaklah memerintahkan supaya benda itu dilepaskan dan diserahkan kepada orang yang pada pendapatnya berhak kepada benda itu.

Tiada kos atau ganti rugi berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan

16. Tiada mana-mana orang atau pemegang lesen boleh, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan penyitaan di bawah peraturan 12, pada menjalankan atau yang berupa sebagai menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Peraturan-Peraturan ini, berhak kepada kos prosiding itu atau kepada apa-apa ganti rugi atau relif lain melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

Kuasa mengalih dan melupus

17. (1) Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh, apabila difikirkan sesuai, mengeluarkan notis bertulis mengarahkan mana-mana orang untuk mengalihkan atau mengambil semula mana-mana objek atau peralatan berkenaan mana-mana aktiviti abstraksi air.

(2) Apabila terdapat kegagalan, keengganan atau pengabaian oleh orang yang telah diberikan notis bertulis di bawah subperaturan (1), Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh mengambil objek atau peralatan itu, dan mendapatkan semula kos atau perbelanjaan yang ditanggungnya daripada orang tersebut.

(3) Apa-apa objek atau peralatan yang diambil oleh Pengarah atau Pegawai yang diberi kuasa di bawah subperaturan (2), akan menjadi milik Lembaga, dan berhak untuk melupuskannya atau melaksanakan apa-apa tindakan yang difikirkan sesuai dan wajar oleh Pengarah.

BAHAGIAN VI

PENDAKWAAN

Pendakwaan

18. Suatu pendakwaan bagi mana-mana kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini tidak boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan secara bertulis daripada Pendakwa Raya.

Penalti am

19. Seseorang yang—

- (a) melakukan sesuatu yang dilarang oleh atau di bawah Peraturan-Peraturan ini;
- (b) tidak melakukan sesuatu yang oleh atau di bawah Peraturan-Peraturan ini dikehendaki atau diarah melakukan; atau
- (c) melanggar atau gagal untuk mematuhi mana-mana peruntukan dalam Peraturan-Peraturan ini;

adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Pengkompaunan kesalahan

20. (1) Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(2) Kesemua wang yang diterima di bawah peraturan ini hendaklah dibayar kepada Lembaga.

BAHAGIAN VII

AM

Pematuhan kepada undang-undang bertulis lain

21. Pengeluaran mana-mana lesen atau kebenaran di bawah Peraturan-Peraturan ini tidak mengesahkan apa-apa perbuatan atau tindakan yang menghendaki permit, kebenaran atau kelulusan tertentu di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain dan pemegang lesen tidak dikecualikan daripada mematuhi kehendak undang-undang bertulis yang lain berkenaan dengan permit, kebenaran atau kelulusan itu.

Peruntukan peralihan

22. Apa-apa notis, perintah, kompaun, lesen atau dokumen yang telah dikeluarkan sebelum tarikh kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini hendaklah terus terpakai dan berkuat kuasa seolah-olah telah dikeluarkan atau dibuat di bawah Peraturan-Peraturan ini sehingga dibatalkan atau tamat tempohnya.

Bertarikh 21 Mei 2012

[LUAS Sel. 1008/3/2; PU. Sel. Am 0009/12]

SULIMAN BIN ABD RAHMAN
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Selangor

SELANGOR WATERS MANAGEMENT AUTHORITY 1999

ABSTRACTION OF WATER SOURCE (STATE OF SELANGOR) REGULATIONS 2012

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

PART I

PRELIMINARY

Regulation

1. Citation
2. Interpretation

PART II

POWER OF AUTHORITY

3. Power of authority on the activity of water abstraction

PART III

LICENSING OF WATER ABSTRACTION

4. Licence for water abstraction
5. Conditions of approval
6. Power to estimate amount of water used
7. Recovery of charges

PART IV

CONTROL OF ABSTRACTION OF WATER

8. General control
9. Control of abstraction of ground water
10. Control of abstraction of surface water

PART V
ENFORCEMENT

Regulation

11. Search
12. Seizure
13. Forfeiture
14. Forfeiture in case of prosecution
15. Forfeiture in case of no prosecution
16. No costs or damages arising from seizure to be recoverable
17. Powers to remove and dispose

PART VI
PROSECUTION

18. Prosecution
19. General penalty
20. Compounding of offences

PART VII
GENERAL

21. Compliance with other written laws
22. Transitional provisions

SELANGOR WATERS MANAGEMENT AUTHORITY
ENACTMENT 1999

ABSTRACTION OF WATER SOURCE (STATE OF SELANGOR) REGULATIONS 2012

IN exercise of the power conferred by sections 127, 41 and 44 of the Selangor Waters Management Authority Enactment 1999 [*En. No. 2/1999*], the Authority with approval of the State Authority makes the following regulations:

PART I

PRELIMINARY

Citation

1. These Regulations may be cited as the **Abstraction of Water Source (State of Selangor) Regulations 2012**.

Interpretation

2. In these Regulations, unless the context otherwise requires—

“abstraction of water” means action to take, shifts, diverts or separate water from any water source with any means, structures or measures to impound or store water or any pumps, canals, stream, penstock, channel, pipes, embankments, borehole, well, or other structures, and “abstract” shall be construed accordingly;

“geologist” means geologist who is registered under Geologists Act 2008 [*Act 689*];

“surface water” refers to river or water body;

“Enactment” means Selangor Waters Management Authority Enactment 1999 [*En. No. 2/1999*];

“water source abstraction area” means an area whereby well or intake point and pumping equipment are located including surrounding area which may be affected from abstraction of water activity;

“commercial” means abstraction of water for a purpose other than public utility including but not limited to the usage for factory, hotel, mineral water, resort, golf course, car wash, nursery, aquaculture, agriculture, farming and any other activities;

“intake point” means a point at which water is taken from water source whether existed naturally or otherwise;

“licensee” means a person or public authority to whom licence is issued under regulation 4;

“monitoring well” means well which is built and used to monitor level and quality of ground water;

“production well” means well which is designed, built and equipped with pumping equipment for the purpose of abstracting ground water;

“duration of ground water pumping test” means a minimum period of pumping test done over a production well whether within 24 hours, 36 hours, 72 hours or other period depending on capability of the well;

“public utility” means any matter done by a person or public authority for or in relation to services or well-being to the public.

PART II

POWER OF AUTHORITY

Power of Authority on the activity of water abstraction

3. The Authority may, with the approval of the State Authority by Notification in the *Gazette*, impose charge of water abstraction to any person who abstract water source based on approved quantity of water to be abstracted.

PART III

LICENSING OF ABSTRACTION OF WATER

Licence for abstraction of water

4. An application for a licence under section 59 of the Enactment shall be made to the Director in the application form determined by the Director.

Conditions of approval

5. (1) A licensee shall comply with all the terms and conditions of licence.

(2) Subject to any other written laws, the licence will only be issued after the Director is satisfied that:

(a) the application form is completed; and

(b) fees for such application and license of water abstraction has been paid.

(3) The Director may determine terms and conditions of license to be adhered to by licensee in addition to the terms and conditions referred to in subparagraph (2).

(4) The Director may from time to time cancel, amend or add any terms and conditions of a license issued under these Regulations.

Power to estimate amount of water used

6. The Director or any authorised officer authorized by the Director may make an estimation of the amount of water used by a person in the relevant year where—

- (a) the amount used by such person has not been measured; or
- (b) any device used to measure the amount of water used by such person has failed to measure the amount accurately for all or any part of the relevant year,

and the said person shall pay the applicable charges prescribed for the estimated amount.

Recovery of charges

7. Charges imposed under these Regulations are recoverable as a debt owing to the Authority by the person on whom they are imposed.

PART IV

CONTROL OF ABSTRACTION OF WATER

General control

8. (1) Subject to any other written laws, for the purpose of any licensed abstraction of water, no person shall be allowed to cause or permit any disturbance or diversion to water flow in water source unless with written approval from the Director.

(2) No person shall cause—

- (a) emission or discharge of pollutants into any water source; or
- (b) soil subsidence, salt water intrusion, destruction of wetland, expediting pollutant in-flow or any other effects which are deemed harmful by the Director,

arising out of or in connection with any abstraction of water activity.

(3) Unless permitted otherwise, every licensed abstraction of water shall be equipped with fully functional measuring device and duly approved by a body which is recognized by the Authority.

(4) The licensee shall submit to the Director the latest reading taken from measuring device under subregulation (3) at such period as determined by the Director.

(5) The licensee shall, at his own costs, provide and ensure all measuring device is in good functional condition.

(6) No measuring device shall be altered, tampered or removed except with the approval of the Director.

(7) Any measure to leave, abandon, close or cease operation of well or intake point or any measure deems similar by the Director shall be notified in writing to the Director within fourteen days before such measure is taken.

(8) Any cost incurred from or in relation to action taken under subregulation (7) shall be borne by the licensee.

Control of abstraction of ground water

9. (1) No person shall be allowed to bore, excavate, drill or build any well including to deepen, enlarge or change existing well for abstraction of water without prior written approval from the Director.

(2) Works or activities under subregulation (1), shall be conducted under the supervision of a geologist.

(3) A person intending to do any pumping test shall notify the Director of such intention in writing within fourteen days before any such test is carried out.

(4) A person who abstracts ground water shall carry out pumping test according to duration of ground water pumping test once in every five years or any other prescribed period and thereafter provide the Director with report on each pumping test conducted.

(5) Application to abstract ground water shall be made in the form as prescribed by the Director.

(6) The Director may if deems necessary, instruct a licensee to build and maintain monitoring well at his own costs for every production well.

(7) A licensee shall, on his own costs, monitor quality and level of ground water every year or any other prescribed period and report for such monitoring shall be submitted in the form as prescribed by the Director.

Control of abstraction of surface water

10. (1) Application to abstract surface water shall be made in the form as prescribed by the Director.

(2) The Director may at any time instruct the licensee, a person or public authority, at their own costs, to remove any equipment from water abstraction area or to do any other works that deems necessary by the Director.

PART V

ENFORCEMENT

Search

11. If the Director or any authorized officer is satisfied upon information received that he has reasonable cause to believe any person has committed an offence under these Regulations, he may, if in his opinion it is necessary to do so for the purpose of investigating the offence, without a warrant, stop and inspect any person or enter and search any premises pursuant to the powers conferred under section 99 of the Enactment.

Seizure

12. (1) The Director or an authorized officer may, without warrant, seize any thing which he reasonably believes to have a bearing on, or can furnish evidence of, the commission of an offence under these Regulations.

(2) The Director or an authorized officer who seizes anything under subregulation (1) shall prepare a list of all things seized and forthwith deliver a copy signed by him to the occupant, proprietor or licensee, or to his servant or agent, present at such premise.

(3) Where the licensed premise is unoccupied, the Director or an authorized officer who seizes shall whenever possible post a list of the things seized conspicuously on the premise.

(4) Any thing seized under these Regulations shall be admissible as evidence in any proceedings under these Regulations.

(5) Where, by reason of its nature, size or amount, it is not practicable to remove any thing seized under these Regulations, the Director or any authorised officer who seizes shall by any means seal the thing in the premises in which it is found.

(6) A person who without lawful authority breaks, tampers with or damage the seal referred to in paragraph (5) or removes any thing under seal or attempts to do so commits an offence.

Forfeiture

13. All things seized under these Regulations may be forfeited.

Forfeiture in case of prosecution

14. (1) If there be prosecution involving any things seized under these Regulations, the forfeiture or release of any such thing may only be made on the order of the court before which the prosecution has been held.

(2) Notwithstanding subregulation (1), if it is proved to the satisfaction of the court that—

- (a) an offence against any of the provisions of these Regulations has been committed; and
- (b) anything is the subject matter of or has been used in the commission of the offence,

the court shall forfeit the thing notwithstanding that no person has been convicted of the such offence.

(3) All thing forfeited under this regulation shall be delivered to the Director and shall be disposed of in accordance with the direction of the Director.

Forfeiture in case of no prosecution

15. (1) If there be no prosecution involving any thing seized under these Regulations, the thing seized shall be taken and deemed to be forfeited on the expiry of a period of one calendar month from the date of seizure unless a claim thereto is made before the expiry of such period in the manner set out in subregulation (2).

(2) Any person or licensee asserting that he is the owner of any thing seized under these Regulations, and that the thing is not liable to be forfeited may either personally or by his agent authorized in writing, give notice in writing to the Director that he claim the thing seized.

(3) On receipt of notice under subregulation (2), the Director may direct that the thing be released or that the matter be referred to a Magistrate.

(4) A Magistrate, to whom reference is made under subregulation (3), shall issue a summons requiring—

- (a) the person claiming that he is the owner of the thing seized; and
- (b) the person from whom the thing was seized,

to appear before him on the day appointed in the summons.

(5) On the day appointed under subregulation (4), and upon due service of the summons on each of the persons referred to in paragraphs 4(a) and 4(b) being proven, the Magistrate shall proceed to the examination of the matter notwithstanding, the non appearance of any of such persons.

(6) If, upon the conclusion of the examination under subregulation (5) in relation to the thing seized, the Magistrate is satisfied that—

- (a) an offence against any provisions of these Regulations has been committed; and

-
- (b) such thing is the subject matter of or has been used in the commission of the offence,

the Magistrate shall order the forfeiture of such, thing but if the Magistrate is not so satisfied, he shall order that the thing be released and delivered to the person who, in his opinion, has a right to such things.

No costs or damages arising from seizure to be recoverable

16. No person or licensee shall, in any proceedings before any court in respect to the seizure under regulation 12, in the exercise or apparent exercise of powers conferred under these Regulations, be entitled to the costs of such proceedings or to any damages or other relief unless such seizure was made without reasonable cause.

Powers to remove and dispose

17. (1) The Director or any authorised officer may, as he deems fit, issue a notice in writing requiring any person to remove or retrieve any objects or equipments in relation to any water abstraction activity.

(2) If there is failure, refusal or neglect by the person served with written notice under subregulation (1), the Director or any authorised officer may take such object or equipment and reclaim the cost or expenses incurred therefore from the said person.

(3) Any object or equipment taken by the Director or any authorised officer under subregulation (2), shall vest in the Authority who shall be entitled to dispose or take any other action as deemed fit and proper by the Director.

PART VI

PROSECUTION

Prosecution

18. A prosecution for any offence under these Regulations shall not be instituted except by or with the consent in writing of the Public Prosecutor.

General penalty

19. A person who—

- (a) does that which by or under these Regulations he is forbidden to do;
- (b) does not do that which by or under these Regulations he is required or directed to do; or

(c) contravenes or fails to comply with any provision of these Regulations,

commits an offence and may upon conviction be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit or imprisonment not exceeding six months or both.

Compounding of offences

20. (1) The Director and any authorized person may compound any offence committed under these Regulations.

(2) All money received under this regulation shall be paid to the Authority.

PART VII

GENERAL

Compliance with other written laws

21. The issuance of any licence or approval under these Regulations shall not validate any act or action that requires specific permit, consent or approval under any other written law and the licensee is not exempted from complying with the requirement of any other written law relating to such permit, consent or approval.

Transitional provisions

22. Any notice, order, compound, licence or document issued prior to the commencement date of these Regulations shall continue to be applicable and remain in force as deemed to be issued or made under these Regulations until revoked thereunder or upon expiry of its term.

Dated 21 May 2012

[LUAS Sel. 1008/2/3; PU. Sel. Am 0009/12]

SULIMAN BIN ABD RAHMAN
Clerk
State Executive Council,
Selangor